

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 2000/2001

September/Oktober 2000

HMT 223 – Morfologi Bahasa Malaysia

Masa : [3 jam]

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI
DALAM TIGA [3] HALAMAN.**

Jawab **LIMA** [5] soalan sahaja. Setiap soalan membawa markah yang sama.

Semua jawapan mestilah disertakan dengan contoh di dalam Bahasa Melayu.

BAHAGIAN A. Soalan ini mesti dijawab

1. Berdasarkan teori Nahu Transformasi Generatif, huraikan kedua-dua hal berikut sebagaimana yang dikemukakan di dalam T.J. Jensen (1990) dan Andrew Spencer (1991).
 - a. Sifat operasi infleksi
 - b. Konsep Lieber tentang perkolasi fitur

(100 markah)

BAHAGIAN B. Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja.

2. Menurut T. J. Jensen (1990), 'Morfologi ialah satu bidang yang mengkaji struktur dalaman kata-kata'. Jelaskan dengan menerapkan dua daripada kaedah operasi morfologi di dalam bahasa Melayu.

(100 markah)

3. Berdasarkan daripada beberapa kajian yang telah dilakukan dan mengambilkira ciri sintaksis dan semantik, golongan kata - Kata Kerjaan, Kata Namaan, Kata Sifat dan Kata Tugas - dikatakan sebagai golongan kata utama di dalam bahasa Melayu (Darwis Harahap.1994). Huraikan.

(100 markah)

4. Morfem dan kata saling berkaitan, terutama sekali apabila membicarakan tentang morfologi. Mengapa? Berikan kaedah untuk mengenal kedua-duanya.

(100 markah)

5. Ketiga-tiga pengarang, Andrew Spenser, T. J. Jensen dan Darwis Harahap pernah memperkatakan tentang Kata Majmuk. Bincangkan pendapat mereka.

(100 markah)

6. Bandingkan **TIGA** [3] bahasa yang berlainan menggunakan proses morfologi yang sedia ada.

(100 markah)

7. Bincangkan salah satu daripada persoalan yang berikut di dalam konteks bahasa Malaysia.

a. Morfofonologi

ATAU

b. Morfosintaksis

(100 markah)

8. Morfologi boleh dikaitkan dengan afasia (Badecker W. dan Carmazza A. di dalam Andrew Spencer (1991) dan pemerolehan bahasa pertama (Clark E. V. 1998). Huraikan kenyataan tersebut dengan menerapkan aspek morfologi Bahasa Malaysia yang berkaitan.

(100 markah)